

# Pekerja kedai runcit didenda RM3,000 kerana terlibat pertaruhan Piala Dunia

**MIRI:** Padah terlibat pertaruhan bola sepak Piala Dunia FIFA 2026, seorang pekerja kedai runcit 24 jam didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas tertuduh, Vendrick Sandin, 31, dari Desa Pujut, Bandar Baru Permyjaya di sini, mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 6 (1) Akta Pertaruhan 1953.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bu-

lan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota dan pegawai dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Miri yang melaksanakan Ops Soga telah menyerbu sebuah kedai runcit yang beroperasi 24 jam di Pusat Komersial Bulatan di sini.

Dalam serbuan jam 10 malam, 20 Jun lalu, polis telah menahan tertuduh kerana disyaki menjalankan aktiviti pertaruhan judi jenis bola sepak Piala Dunia FIFA 2026 dan merampas sebuah telefon bimbit serta wang tunai RM104 untuk dijadikan

barang kes.

Hasil siasatan lanjut mendapati semasa tangkapan dilakukan, tertuduh sedang membuka aplikasi judi pertaruhan bola sepak dan mengaku sedang bertaruh.

Laporan pakar judi berhubung barang kes (telefon bimbit) juga positif dan mendapati ada unsur pertaruhan.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan dikendalikan ASP Mary Ong, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.